

15/10/2003

Belum terlambat bantu Ku Fozi hargai jasa PM

Mokhtar Alias

PERCUBAAN seorang datuk berusia 52 tahun untuk mencipta rekod berkayak secara solo menyusuri pantai Semenanjung, seharusnya dilihat sebagai usaha murni bagi menjayakan slogan Malaysia Boleh. Tambahan pula hasrat Ku Fozi Ku Husain yang mempunyai 10 anak dan seorang cucu ini untuk menghargai sumbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam usia sebegitu, tentu ia perlu disertai semangat kental kerana laut tidak pernah mengenal kawan dan lawan, sekalipun sebelum ini pernah bersahabat lama dengannya. Pengalaman sembilan tahun berulang-alik ke tempat kerja dengan berkayak di Pulau Langkawi sebelum ini dijadikan panduan mengharungi lautan bergelora.

Mengikuti perancangan awal, Ku Fozi berkayak dari Tambatan Diraja, Kota Bharu, meredah Laut Cina Selatan, Selat Tebrau dan Selat Melaka sehingga Kuala Perlis. Namun, Jabatan Marin menasihatkan Ku Fozi tidak merentasi Laut Cina Selatan kerana cuaca buruk ketika ini boleh membahayakan dirinya.

Pada 1 Oktober lalu, Ku Fozi berkayak dari Tanjung Piai, Johor Bahru, menuju Kuala Perlis yang dianggarkan 850 kilometer. Kini beliau berada di sekitar kawasan pantai di Perak dan dijadualkan sampai ke Kuala Perlis, pada 22 Oktober ini.

Banyak rintangan dihadapi seperti ombak besar setinggi dua meter di Tanjung Laboh, Muar. Beliau diawasi pihak marin, manakala sekumpulan kecil pasukan bantuan melepaskannya di sesuatu tempat dan menunggu di tempat yang dijadualkan berakhir pada hari berkenaan.

Ku Fozi tidak seperti kebanyakan pencabar Malaysia Boleh lain kerana beliau bukan dikenali ramai. Berasal dari Kampung Belukar, Arau, Perlis, beliau 'menyemondo' (berkahwin) dengan anak Johol, Negeri Sembilan, Norhayati Ibrahim.

Ekspedisi anjuran Dewan Undangan Negeri Johol ini diketuai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan itu yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas negeri, Datuk Darus Salim Bulin.

Walaupun publisiti ekspedisi ini agak hambar, Ku Fozi tetap bersemangat kerana niatnya untuk menghargai jasa Dr Mahathir selain memberi teladan kepada generasi muda.

Jika setiap Adun atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang disokong sektor swasta melaksanakan program seumpama ini, tentu lebih ramai jaguh dapat dilahirkan.

Parlimen Jempol pernah menganjurkan program memandu kereta secara solo mengelilingi Semenanjung dan Felda bersama DUN Serting menaja sekumpulan pelajar sekolah menengah berjalan kaki dari Felda Gugusan Raja Alias menuju Seremban menjelang Hari Merdeka pada 31 Ogos lalu.

Program seumpama ini perlu dibuat dengan persiapan rapi. Ekspedisi Ku Fozi bermula dengan niat baik, cuma pelaksanaan masih terlalu banyak perlu diperbaiki. Tidak diketahui, DUN Johol dipinggirkan atau sengaja enggan mengundang pihak lebih berpengalaman mengatur ekspedisi, pelancongan dan publisiti.

Alangkah moleknnya dibentuk kerjasama dengan pihak berkuasa terutama Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Sembilan (MTPNS) yang boleh menjadi penyelaras dengan pihak berkuasa di negeri yang disinggahi mengatur acara pelepasan oleh orang kenamaan, sekurang-kurangnya Exco.

Pegawai MTPNS tidak kelihatan pada majlis pelancaran sehingga Ku Fozi singgah di Tanjung Agas dan Pantai Saujana di Port Dickson, kecuali

kehadiran Adun Pasir Panjang, Datuk Sainy Edris.

Pihak itu tidak perlu menunggu tepak sirih baru bersilat mengatur kerja. Sebagai badan yang dipertanggungjawabkan mereka perlu ada sikap `terpanggil' apabila mendapati ada projek yang boleh membawa manfaat terhadap sektor pelancongan negeri ini.

Bagi menjelmakan sikap proaktif dalam setiap pengamal, mereka perlu mengurangkan kerenah birokrasi, lebih tangkas dan bersedia mendengar pandangan pihak luar. Sekalipun dayung sudah jauh dikayuh, belum terlambat membantu Ku Fozi mencapai matlamat untuk menghargai jasa Perdana Menteri.